

16 JUN 2003

Mahathir-Stabil/I

ASIA BARAT TERUS TIDAK STABIL, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 16 Jun (Bernama) -- Rantau Asia Barat yang kaya dengan simpanan minyak dunia, akan terus berada dalam keadaan tidak stabil untuk beberapa tahun akan datang, kata Perdana Menteri hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pelbagai isu tertanggung seperti siri terkini pelan damai Asia Barat, belum menghasilkan penyelesaian yang adil dan saksama kepada semua pihak terutama mereka yang ditindas, dan hari ini, senarai itu bertambah ekoran perang ke atas Iraq baru-baru ini.

"Secara teknikalnya, perang di Iraq mungkin sudah berakhir, namun perang menangani keganasan masih jauh daripada menjadi semakin baik menerusi kemenangan pasukan bersekutu," kata Dr Mahathir dalam uaputama pada Persidangan Tahunan Kelapan mengenai Minyak dan Gas Asia, anjuran Petronas di sini.

Teks ucapan Dr Mahathir dibacakan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Dr Mahathir berkata pada hakikatnya, seluruh dunia hidup dalam keadaan bimbang, takut untuk melancong dan sekali-sekala wujud tindakan mengisytiharkan amaran terhadap ancaman serangan pegganas.

"Dalam keadaan ketidaktentuan dan ketegangan yang ekstrem di seluruh dunia, perdagangan menghadapi masalah. Dan perdagangan minyak, perniagaan yang menjana semua ekonomi dunia, lebih terus terjejas," katanya.

Perdana Menteri berkata tindakan ketenteraan dan kuasa ekonomi tidak akan membawa kestabilan yang keyakinan yang diperlukan oleh ekonomi dunia untuk pulih dan makmur.

Beliau berkata keganasan tidak boleh diperangi menerusi tindakan ketenteraan terlebih dahulu dan tidak boleh ditamatkan menerusi tangkapan sebagai pencegahan dan penahanan.

Ini katanya kerana dunia sebenarnya tidak dapat mengenal pasti pegganas dan mereka yang bakal menjadi pegganas.

"Semua serangan ketenteraan yang dilakukan hanya untuk menakutkan negara-negara kecil dan mewujudkan ketengahan yang tidak perlu yang nyata menjejaskan pemulihan ekonomi dunia.

"Pegganas tidak takut. Cara untuk memerangi keganasan adalah untuk mencari punca dan mengatasinya. Malaysia bercakap berdasarkan pengalaman dalam isu ini," katanya.

Dr Mahathir menegaskan bahawa Malaysia yakin dengan keamanan dan penyelesaian masalah, di peringkat kebangsaan atau antarabangsa, menerusi rundingan tetapi menolak menguji kekuatan bagi menentukan "pemenang yang akan mengambil semua harta rampasan".

"Kami yakin dengan dasar memakmurkan jiran-jiran kami (tetapi) bukan untuk mempapakkan mereka. Ia merupakan dasar yang berasaskan kepada pengalaman kami," katanya.

Perdana Menteri berkata hasil daripada dasar-dasar ini, Malaysia berkembang dan makmur dan kini menjadi pasaran yang baik untuk negara-negara yang melabur di sini.

Beliau berkata negara yang tidak makmur tidak dapat melabur di Malaysia dan menyediakan peluang pasaran yang baik kepada produk-produk Malaysia.

"Hanya negara makmur sahaja boleh menjayakan. Itu sebab kami mahu jiran-jiran kami makmur dan kami bersedia membantu mereka untuk menjadi makmur," katanya.

Dr Mahathir berkata jika Malaysia merupakan sebuah negara yang hebat dan berkuasa, ia akan mengeksport "cinta kita untuk keamanan dan dasar

memakmurkan jiran" kepada dunia.

"Tetapi kita bukan negara kuasa besar. Kita bukan sahaja tidak dapat mengeskport falsafah kita yang telah memberi banyak manfaat, malah pandangan kita tidak dapat diterima."

Perdana Menteri berkata negara membangun tidak mahu Malaysia mengkritik semua dasar dan tindakan salah yang menyebabkan dunia tidak stabil, mewujudkan lebih banyak kemiskinan dan membuat lebih ramai musuh daripada kawan.

"Satu dunia dengan pasukan bersenjata negara-negara kuasa besar perlu ditugaskan untuk mengawal perjumpaan kecil para pemimpin dengan keseluruhan bandar ditutup dan perniagaan dihentikan supaya para pemimpin kuasa besar tidak bimbang untuk datang ke bandar berkenaan," katanya.

-- BERNAMA

SR MFJ RM LAT